

'Usah salah tafsir hubungan

dengan negara luar'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan Ahli Parlimen pembangkang supaya tidak bersikap 'lebih Hamas dari Hamas' dan 'lebih China dari China' dalam mentafsirkan langkah kerajaan menjalin hubungan perdagangan dengan negara luar.

Perdana Menteri berkata, pembangkang cuba menanam kebencian sehingga ada yang menyalah-tafsirkan peruntukan tertentu dalam perjanjian perdagangan dengan negara luar termasuk Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) antara Amerika Syarikat (AS) dengan Malaysia yang dimeterai pada Sidang Kemuncak ASEAN, baru-baru ini.

Katanya, jika dibiarkan, beliau bimbang ia boleh menjejaskan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara tertentu.

"Perjanjian perdagangan timbal balas dijelaskan semalam oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) (Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz) dan masih ada ruang berdebat selepas ini. Sebab itu Menteri MITI cabar (tanya) peruntukan (yang) mana?"

"Ini masalah membaca tidak secara menyeluruh. Tentunya apa-apa dilakukan oleh AS tentunya diteliti *line by line* (satu demi satu) oleh China.

"Kalau ada ditafsirkan oleh se-setengah Ahli (Parlimen) pembangkang, ia akan menjejaskan hubungan kita dengan China. Kalau unsur nadir bumi (REE) dimonopoli AS, tidak boleh dengan China... ini tidak berlaku (sebenarnya).

"Jadi kita (pula) jadi 'lebih Hamas dari Hamas', 'lebih China dari China'. Ini masalah kita kerana politik yang menanam sikap benci begitu sahaja. Saya akan teliti dulu aktanya, teliti peruntukannya," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Suhaizan Kaiat (PH-Pulai) yang memohon penjelasan Perdana Menteri sama ada perjanjian antara Malaysia dengan AS mempunyai unsur yang boleh menyebabkan terdai maruah dan kedaulatan negara.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan juga bersetuju supaya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Malaysia membuat pembelian daripada AS di bawah perjanjian perdagangan baharu. Berhubung komitmen yang diperlukan daripada Malaysia untuk membeli barangan AS berjumlah lebih RM1 trilion, beliau menegaskan ia bukan membatikan 'wang' kerajaan, sebaliknya pembelian dilakukan GLC.